


Mengamalkan seks yang selamat

- Seks tanpa pertukaran cecair badan (lelehan faraj atau air mazi dan air mani).
- Penggunaan kondom dengan betul dan setiap kali anda melakukan hubungan seks.
- Elakkan minum alkohol yang berlebihan atau mengambil dadah rekreasi sebelum atau semasa seks kerana ia boleh menjejaskan pertimbangan anda.

Nota lanjut

Kami telah cuba untuk memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan maklumat terkini dalam risalah ini pada bukti dan pendapat perubatan semasa. Walau bagaimanapun, maklumat dan nasihat mungkin berbeza-beza dari sumber-sumber yang berbeza mengikut masa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila berjumpa dengan doktor anda atau penasihat kesihatan anda.

Lokasi Kami



Klinik DSC

31 Kelantan Lane #01-16 S(200031)

Perkhidmatan Bas (Opp Veerasamy road)

23, 64, 65, 66, 67, 130, 139, 147, 857

Stesyen MRT terdekat

Bugis (EWL/ DTL)	Lavender (EWL)
Farrer Park (NEL)	Rochor (DTL)
Jalan Besar (DTL)	

HIV/STI maklumat berekod

6295 2944

HIV/ STI Hotline

1800- 2521324 (Pada waktu pejabat)

Buat temujanji bersama kami

Hubungi pusat temujanji di talian 6293 9648 atau email di apptdsc@nsc.com.sg

UNTUK MENGETAHUI INFORMASI KLINIK LEBIH LANJUT SILA LAWATI WWW.DSC-CLINIC.SG ATAU DI FACEBOOK KAMI DI WWW.FACEBOOK.COM/DSCSG

SY-M-1

Printed - May 2021

SYPHILIS SIFILIS (Malay)



DSC Clinic

Apa itu Sifilis?

Sifilis adalah jangkitan kelamin jenis bakteria.

Bagaimanakah Sifilis boleh dijangkiti?

- Aktiviti seksual (termasuk seks oral) dengan orang yang sudah dijangkiti.
- Ibu kepada anak.
- Pemindahan darah dengan produk darah yang tercemar.
- Tertusuk jarum yang tercemar dan berkongsi jarum suntikan dengan orang yang sudah dijangkiti.

Apakah tanda-tanda dan gejala-gejala?

Kebanyakan jangkitan sifilis tidak menyebabkan tanda-tanda atau gejala yang jelas.

Tanda-tanda dan gejala-gejala sifilis berbeza mengikut peringkat jangkitan.

Awal	Pertengahan	Tak ketara	Tertiari
Lepuhan kulit yang tidak sakit pada alat kelamin	<ul style="list-style-type: none"> • Ruam di tapak tangan dan tapak kaki • Bengkak di kelenjar di bahagian leher dan ketiak • Ketumbuhan di alat kelamin dan dubur • Keguguran rambut secara bertompokan • Jangkitan Otak 	Tiada gejala-gejala tetapi organ-organ dalaman mungkin terjejas oleh penyakit	Kerosakan kekal pada organ (contohnya otak, saraf, jantung dan kulit)

Kongenital

Berlaku apabila seorang kanak-kanak yang dilahirkan oleh seorang ibu yang ada sifilis. Tanda-tanda dan gejala-gejala termasuk:

- kecacatan tulang
- Buta
- Pekak
- Kecacatan muka dan gigi
- Ruam kulit
- Kematian Bayi

Bila tanda-tanda dan gejala-gejala muncul?

Sifilis berjangkit			Sifilis tidak berjangkit	
Awal	Pertengahan	Tak ketara (Awal)	Tak ketara (Lewat)	Tertiari
9 - 90 hari selepas jangkitan	Beberapa minggu hingga 6 bulan selepas jangkitan (kadang-kadang sehingga 2 tahun)	<1 tahun selepas jangkitan	>1 tahun selepas jangkitan	<5 - 30 tahun selepas jangkitan

*Mana-mana peringkat sifilis dalam seorang wanita hamil boleh berjangkit kepada bayi dalam kandungan.

Siapakah yang harus mendapatkan pemeriksaan

Dapatkan nasihat perubatan jika anda mengesyaki anda mungkin dijangkiti atau jika pasangan anda telah disahkan positif Sifilis.

Pemeriksaan Sifilis juga harus menjadi sebahagian daripada pemeriksaan kesihatan seksual rutin sama ada anda ada gejala atau tidak.

Bagaimanakah Sifilis didiagnos?

- Sifilis didiagnos dengan ujian darah, biasanya sekurang-kurangnya 2 jenis yang berbeza.
- Bendalir dari ulser / kudis juga boleh diperiksa.
- Selepas pendedahan seksual, ia boleh mengambil masa sehingga 3 bulan sebelum ujian darah menjadi positif (sama seperti ujian HIV).
- Sesiapa sahaja disahkan menghidap sifilis juga perlu diuji untuk HIV.

Adakah Sifilis boleh di pulihkan?

Ya, sifilis boleh dirawat dan disembuhkan.

- Suntikan Penicillin.
- Antibiotik alternatif disediakan untuk pesakit yang alah kepada penisilin.

Bolehkah Sifilis menyebabkan masalah lain?

Sifilis yang tidak dirawat boleh membawa kepada kerosakan kepada otak, jantung dan organ-organ lain di dalam badan.

Sifilis ketika hamil

- Wanita yang hamil boleh menyebarkan jangkitan kepada bayi dalam kandungan mereka dan boleh menyebabkan keadaan yang tidak normal pada bayi.
- Wanita yang hamil akan melakukan ujian darah setiap bulan sehingga bersalin dan meneruskan ujian sifilis susulan.
- Bayi akan diuji pada usia 6 bulan untuk memastikan mereka tidak mempunyai sifilis.

Adakah saya perlu kembali untuk lawatan susulan?

Susulan ujian darah yang dilakukan pada 3 bulan, 6 bulan, 12 bulan, 18 bulan dan 24 bulan bagi memastikan jangkitan telah dirawat dengan secukupnya.

Nota Penting

- Jangkitan boleh berlaku kerana tidak ada perlindungan kekal disediakan oleh jangkitan sebelumnya.
- Jangan lupa untuk memberitahu doktor anda jika anda telah dirawat untuk sifilis pada masa lalu; walaupun setelah sembuh, ujian darah sifilis boleh kekal positif ("serological scar") untuk selamanya.
- Maklumkan kepada doktor anda terhadap sebarang alahan ubat.
- Elakkan hubungan seks sehingga anda telah selesai rawatan.
- Jangan menderma darah.
- Pastikan pasangan seksual anda (s) datang untuk menjalani pemeriksaan supaya ia boleh dirawat pada peringkat awal jika didapati dijangkiti.